

25 MAR 2001

Palanivel-Estet

PEMILIK ESTET KECIL DIMINTA BANTU PEKERJA

PETALING JAYA, 25 Mac (Bernama) -- Pemilik estet-estet kecil hari ini digesa supaya memainkan peranan yang lebih bermakna dan berkesan dalam membantu kerajaan menaikkan taraf hidup para pekerja estet.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk G. Palanivel berkata kerajaan telah berusaha sedaya mungkin bagi mencapai matlamat itu dan pemilik estet perlu meningkatkan peranan mereka.

Kerajaan telah menyediakan peruntukan khas RM100 juta yang disalurkan menerusi pelbagai kementerian bagi tujuan menyediakan kemudahan asas seperti jalan dan bekalan elektrik untuk kepentingan pekerja estet, katanya.

"Pemilik estet perlu lebih terbuka dengan memberikan maklumat tentang apa yang diperlukan...amat menyedihkan kerana ada pemilik estet yang langsung tidak memperdulikan usaha mengubah nasib pekerja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen tahunan ke-16 Wanita MIC Selangor di sini.

Palanivel yang juga Naib Presiden MIC dan pengerusi MIC Selangor berkata kementerianya turut menghadapi masalah dengan estet yang enggan menyediakan tapak bagi pelaksanaan projek sosial seperti bilik bacaan dan pusat rekreasi.

"Mereka enggan memberikan kerjasama...untuk membantu mengenalpasti pekerja yang miskin pun sukar dilakukan," katanya.

Beliau berkata apabila pekerja estet dapat dinaikkan taraf hidup, pemilik estet juga yang bakal mengaut keuntungan kerana produktiviti yang bertambah.

Palanivel berkata pemilik estet patut memberikan kerjasama secara sukarela tanpa perlu didesak.

Sementara itu, Ketua Wanita MIC Selangor Komala Krishna Moorthy berkata pihaknya akan memulakan satu program untuk membantu pekerja kilang dan pelajar sekolah menengah.

"Kita bercadang mengadakan seminar untuk mereka dan mengenalpasti masalah yang dihadapi supaya cara mengatasi sesuatu masalah itu dapat dirangka," katanya.

Enam resolusi diluluskan pada konvensyen itu, antaranya ialah menyatakan sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu serta menggesa kerajaan menyediakan lebih banyak kemudahan rumah murah tanpa mengira kaum.

-- BERNAMA

SR ES MOZ